

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN
KAWASAN : BUKIT KATIL

SOALAN:

YB. TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa peratuskah kerja-kerja pembinaan persimpangan bertingkat yang bernilai RM280 juta di MITC Melaka dan Persimpangan Tun Ghaffar, Peringgit telah siap dan adakah ianya menepati tempoh masa yang diperuntukkan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2016, projek pembinaan Persimpangan Bertingkat Peringgit dan Persimpangan Bertingkat MITC, Melaka telah mencapai kemajuan 30% siap. Projek ini telah dimulakan pada bulan Mac 2014 dan sepatutnya siap mengikut kontrak asal pada bulan Mac 2017. Walau bagaimanapun berikutan masalah kelewatan untuk mengalihkan pelbagai utiliti dan membina semula aset-aset milik Kerajaan di tapak pembinaan, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah meluluskan Tempoh Lanjutan Masa yang baru kepada pihak kontraktor, iaitu sehingga 5 Jun 2018.

Sekian, terima kasih.